Majlis Jamuan Makan Malam Mesyuarat Peringkat Tinggi FSI-EMEAP: "Penyeliaan dan Perbankan yang Lebih Baik pada Era Pascakrisis" Kuala Lumpur, 16 Januari 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berbesar hati untuk mengalu-alukan kedatangan para hadirin sekalian ke Mesyuarat Peringkat Tinggi Institut Kestabilan Kewangan (Financial Stability Institute, FSI) Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) bagi Penyelia-penyelia Perbankan. Bank Negara Malaysia bangga menjadi tuan rumah pada mesyuarat kali ini kerana dapat mempertemukan para pegawai kanan daripada kalangan pengawal selia serta kepimpinan industri perbankan dari rantau Asia untuk berbincang tentang Penyeliaan dan Perbankan dalam era pascakrisis.

Kita kini berada dalam era perubahan yang besar dan penting bagi industri, para pengawal selia dan penyelia. Pakej reformasi akhir yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Basel pada bulan Disember 2010 menandakan selesainya satu pencapaian penting dalam proses reformasi kewangan antarabangsa yang bermula selepas tercetusnya krisis kewangan global. Proses ini adalah rumit, membabitkan dialog berbilang hala yang kerap, baik di peringkat antarabangsa mahupun serantau. Namun begitu, usaha ke arah membangunkan sistem kewangan antarabangsa yang lebih berdaya tahan masih lagi pada peringkat awal.

Bagi pakej reformasi yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Basel ini, fasa pelaksanaan yang berikutnya juga tidak kurang dari segi cabarannya. Malahan telah wujud banyak jangkaan tentang bagaimana piawaian baharu ini akan dilaksanakan secara berperingkat, dan impaknya terhadap landskap sektor kewangan. Yang penting adalah untuk memastikan bahawa pelaksanaan reformasi kawal selia ini tidak mengganggu proses pemulihan ekonomi yang sedang berlaku. Selain itu, meskipun persetujuan penting telah dicapai tentang komponen utama berkaitan modal dan mudah tunai, sebahagian besar daripada beberapa bidang penting lain masih lagi sedang dalam proses untuk dilaksanakan. Berlatarkan keadaan ini, para penggubal dasar dan industri kewangan perlu terus mengadakan dialog yang terbuka dan konstruktif mengenai perkembangan yang mempengaruhi industri, khususnya, untuk mengelakkan kesan yang tidak diingini ekoran reformasi ini.

Prospek Ekonomi

Kini, Malaysia sedang memasuki tahun kedua dalam pemulihan global. Pemulihan semula dalam ekonomi global pada tahun 2010 sebahagian besarnya telah dipacu oleh prestasi luar biasa dari ekonomi sedang pesat membangun, khususnya di rantau Asia. Pertumbuhan dijangka terus kukuh pada tahun ini walaupun pada kadar yang lebih sederhana berbanding dengan tahun 2010. Meskipun dalam keadaan prospek pertumbuhan yang menggalakkan, Asia perlu menguruskan kesan perkembangan antarabangsa memandangkan tahap ekonomi dan kewangannya yang sangat terbuka. Perhatian dunia pada masa ini tertumpu pada keadaan fiskal beberapa ekonomi maju, kemajuan dalam reformasi kewangan dan langkah monetari dan kewangan yang sedang dilaksanakan dalam ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis. Cabaran utama bagi ekonomi sedang pesat membangun pada tahun 2011 sebahagian besarnya adalah untuk menguruskan aliran modal yang sangat tidak menentu. Pertumbuhan yang kukuh di Asia telah dan akan terus menarik mudah tunai global secara besar-besaran dalam bentuk aliran masuk modal ke dalam rantau tersebut. Keadaan ini menuntut pihak penggubal dasar di rantau ini agar lebih berwaspada. Beberapa ekonomi serantau telah melaksanakan langkah-langkah kehematan makro untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan.

Dalam keadaan ketidaktentuan yang berterusan, Asia dijangka terus memacu pertumbuhan global, disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh dan sistem kewangan yang teguh. Aktiviti ekonomi sektor swasta yang giat semula telah menjadi faktor penting dalam mengekalkan prospek pertumbuhan yang kukuh di Asia. Bagi ekonomi dalam negeri, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan pada sekitar 7% bagi tahun 2010. Meskipun sektor luaran mungkin terjejas oleh pertumbuhan global yang lebih perlahan, momentum pertumbuhan permintaan dalam negeri diunjurkan terus mampan pada tahun 2011, disokong oleh peningkatan kukuh yang berterusan dalam aktiviti sektor swasta. Faktor yang amat menggalakkan ialah pelaburan swasta dijangka bertambah kukuh dan menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan.

Mencapai objektif kestabilan kewangan

Saya akan menyentuh pula tentang usaha-usaha untuk mencapai kestabilan kewangan yang lebih menyeluruh. Meskipun masih banyak usaha yang perlu dilaksanakan pada peringkat antarabangsa, keutamaan dalam jangka terdekat adalah untuk melaksanakan pendekatan yang berkesan dan lebih bersepadu dalam pelaksanaan reformasi kewangan yang telah diumumkan. Hal ini penting memandangkan kesalinghubungan yang lebih meluas dalam ekonomi global. Walaupun hasil kajian impak kuantitatif telah meramalkan bahawa keuntungan jangka panjang daripada langkah-langkah tersebut akan mengatasi kos jangka pendek yang timbul hasil daripada pelarasan ini, pengalaman sebenar akan berbeza-beza merentas pelbagai negara.

Meskipun setiap negara akan berdepan dengan cabaran khusus dalam pelaksanaan yang mungkin timbul daripada perbezaan dalam struktur ekonomi dan pasaran, namun terdapat juga banyak persamaan, khususnya dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun yang boleh dikongsi antara negara. Tempoh pemerhatian yang diperuntukkan oleh Jawatankuasa Basel bagi beberapa komponen daripada pakej reformasi adalah dialu-alukan. Ini akan membolehkan negara-negara mempertimbangkan tindakan yang sewajarnya untuk menyokong pelaksanaan yang berkesan reformasi tersebut. Pada masa yang sama, terdapat jangkaan bahawa akan ada kesediaan dalam kalangan komuniti penentu piawaian antarabangsa untuk mengubah suai atau melengkapkan preskripsi yang sedia ada, rangka kerja atau strategi pelaksanaan berikutan lebih banyak pengalaman yang diperoleh dalam keadaan pasaran yang berubah-ubah. Pelaksanaan yang berkesan juga akan memerlukan sokongan untuk melaksanakan reformasi, khususnya dalam bidang pembangunan keupayaan, terutamanya dalam ekonomi sedang pesat membangun dan sedang membangun. Saluran komunikasi yang inklusif dengan pasaran dan proses perundingan global yang inklusif akan membolehkan negara memperoleh manfaat daripada pengalaman pihak lain dan, yang lebih penting, mempermudah tindak balas dasar yang lebih bersepadu dan seterusnya menyokong penyesuaian yang teratur terhadap piawaian baharu tersebut.

Meskipun perkembangan dasar kestabilan kewangan dalam tempoh dua tahun lalu menyaksikan mandat yang lebih jelas telah diperuntukkan bagi pihak berkuasa kawal selia, rangka kerja bagi kestabilan kewangan pada peringkat negara mahupun antarabangsa terus menjadi bahan perbincangan yang hangat. Tumpuan adalah pada keberkesanan instrumen dasar yang diperlukan untuk memelihara kestabilan kewangan, struktur dan reka bentuk rangka kerja untuk membuat keputusan dan pengaturan keinstitusian serta kebertanggungjawaban berhubung dengan dasar kestabilan kewangan. Satu bahagian penting daripada perkara ini ialah, dengan adanya kebertanggungjawaban, terdapat keperluan untuk mempunyai pelbagai rangkaian instrumen yang luas dan ruang dasar dan fleksibiliti untuk mencapai matlamat dasar kestabilan kewangan yang khusus. Selain itu, bagi kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, mandat yang penting adalah untuk turut membangunkan sistem kewangan. Bagi sebahagian besar Bank Pusat dalam ekonomi sedang pesat

membangun, peranan pembangunan ini merupakan bahagian yang penting untuk memelihara pembangunan yang teratur bagi sistem kewangan dan seterusnya kestabilan kewangan dalam jangka masa panjang.

Memperhebat penyeliaan dan memperkukuh tadbir urus

Krisis kewangan global juga telah menggalakkan pembaharuan dan pengukuhan berterusan dalam pendekatan penyeliaan, manakala usaha dilipatgandakan untuk memperdalam kerjasama penyeliaan merentas sempadan. Ini mencerminkan bahawa institusi kewangan yang aktif pada peringkat antarabangsa dan serantau menjadi semakin penting. Walaupun pendekatan penyeliaan berasaskan risiko sudah diterima pakai oleh banyak negara dan menyediakan rangka kerja bagi penilaian risiko yang lebih baik dengan pertimbangan penyeliaan yang lebih tepat, kaedah yang digunakan untuk menentukan kekerapan penyeliaan mungkin memerlukan penilaian semula secara berkala memandangkan tahap inovasi kewangan yang berterusan dan keadaan pasaran yang berubah-ubah.

Memandangkan lebih banyak negara mengambil langkah untuk menerima pakai pendekatan kawal selia yang lebih berdasarkan prinsip atau berdasarkan pencapaian, usaha untuk memastikan penyeliaan yang rapi dan wajar akan menjadi semakin penting bagi memastikan pengambilan risiko yang berhemat dalam sistem kewangan. Walaupun pematuhan akan kekal penting, ciri-ciri dan kemantapan hubungan penyeliaan dengan institusi kewangan kini memperlihatkan kecenderungan yang lebih nyata untuk berinteraksi secara lebih terbuka dan melalui komitmen yang membolehkan penyelia dan institusi kewangan memberikan pemahaman yang lebih lengkap mengenai risiko yang dihadapi oleh institusi dan industri secara keseluruhan. Hal ini juga menyokong usaha-usaha pada masa ini untuk mengukuhkan orientasi kehematan makro terhadap pengurusan risiko, baik pada peringkat sistem mahupun pada peringkat institusi apabila penilaian risiko keinstitusian ini dilengkapi dengan pertimbangan pembangunan makroekonomi dan kelakuan pasaran secara menyeluruh yang boleh memberikan impak yang nyata terhadap kestabilan kewangan.

Langkah-langkah reformasi untuk meningkatkan daya tahan institusi kewangan dan keupayaan penyeliaan dalam mengenal pasti dan menilai risiko pada peringkat makro juga diperkukuh dengan usaha untuk memantapkan kewibawaan lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam institusi kewangan. Di Malaysia, komitmen untuk meningkatkan prestasi lembaga pengarah institusi kewangan tidak hanya dengan mengeluarkan panduan penyeliaan, tetapi juga dengan pengenalan Program Pendidikan untuk Pengarah yang disusun rapi, yang dilancarkan pada tahun 2008. Mulai awal tahun ini, program ini terbuka kepada lembaga pengarah institusi kewangan dari luar Malaysia. Daripada banyak pengajaran yang diperoleh daripada krisis kewangan Asia dan krisis kewangan global, usaha memupuk budaya risiko dan tenaga kerja beretika yang mantap dalam industri kewangan adalah amat penting dalam usaha untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan keperluan ini harus bermula dengan lembaga pengarah dan pengurusan institusi kewangan.

Berikutan tercetusnya krisis kewangan ini, tuntutan yang lebih tinggi diletakkan ke atas lembaga pengarah dan pengurusan kanan untuk menunjukkan kepimpinan dan pengawasan yang lebih berkesan. Di sesetengah negara, tuntutan ini telah direalisasikan melalui pendekatan campur tangan dalam pelantikan pengarah dan kakitangan utama dalam institusi kewangan, manakala pada peringkat antarabangsa ia telah menghasilkan penambahbaikan yang ketara kepada piawaian penyeliaan antarabangsa tentang tadbir urus syarikat yang sedia ada. Dalam proses ini, timbul semula perdebatan dan dialog tentang bagaimana peraturan tadbir urus yang penting harus dikendalikan dengan cara terbaik bagi mencapai maksud isi kandungan berbanding hanya bentuk sesuatu peraturan, termasuk konsep pemisahan antara pengawasan dengan pengurusan, penentuan kecekapan lembaga pengarah yang relevan dalam persekitaran hari ini dan peranan

lembaga pengarah, pengurusan dan penyelia yang wajar dalam memperkukuh amalan tadbir urus yang mantap. Oleh itu, proses pembaharuan semula amalan yang telah terpakai perlulah berterusan bagi memelihara asas kestabilan kewangan.

Bidang kerjasama yang lebih luas

Dalam dunia yang serba saling berhubung kait, bidang kerjasama penyeliaan dan kolaborasi untuk keberkesanan pengendalian dasar kestabilan kewangan kini sudah pun berkembang. Kerjasama serantau dalam kalangan bank pusat dan agensi kawal selia di Asia sendiri telah pun mencapai kemajuan dalam banyak bidang, khususnya selepas krisis kewangan Asia. Fokus kerjasama telah menjangkau bidang kestabilan kewangan, pasaran kewangan dan sistem pembayaran dan penjelasan yang tradisi untuk mencakupi dasar yang lebih teknikal dan isu-isu masa hadapan. Meskipun mencapai kemajuan yang nyata, masih terdapat peluang untuk lebih memanfaatkan banyak platform yang sedia ada bagi menghadapi cabaran yang lebih mutakhir berkaitan isu merentas sempadan seperti arbitraj kawal selia, mempermudah integrasi kewangan, dan membentuk satu rangka kerja yang lebih mantap untuk pengawasan makro serantau dan pengurusan krisis.

Pengalaman menghadapi krisis global juga memberikan pengajaran penting yang akan terus memperdalam pemahaman kita dan menghasilkan kerjasama yang lebih erat dalam bidang penyelesaian institusi yang bermasalah merentas sempadan. Usaha yang sedang dilakukan di Eropah untuk melaksanakan pendekatan “living wills” adalah amat penting bagi rantau ini, dari perspektif pembentukan serta pelaksanaannya. Walaupun pendekatan ini masih belum teruji, langkah ini akan memberikan sumbangan penting untuk memperdalam pemahaman kita tentang kewajaran model perniagaan dan struktur kawal selia serta sistem undang-undang yang berbeza yang akan memberikan kesan terhadap operasi institusi yang penting yang mempunyai operasi merentas sempadan.

Melangkah ke hadapan, lebih banyak pengalaman harus diperoleh berhubung dengan strategi komunikasi kestabilan kewangan yang berkesan, satu perkara yang tidak mendapat banyak perhatian sehinggalah tercetusnya krisis kewangan baru-baru ini. Strategi komunikasi kestabilan kewangan yang diyakini, terutamanya dalam tempoh ketidakpastian yang nyata akan memerlukan masa dan penyampaian yang bersesuaian serta penyelarasan yang berkesan antara agensi yang berkaitan. Sebagai contoh, penyelarasan yang berkesan dalam membuat pengumuman mengenai jaminan menyeluruh daripada kerajaan dan langkah mudah tunai di Malaysia, Singapura dan Hong Kong semasa krisis baru-baru ini telah membantu mengekalkan keyakinan secara keseluruhan dalam pasaran kewangan negara. Selain itu, terdapat juga pengajaran yang boleh dipelajari berhubung dengan pengalaman dalam komunikasi hasil ujian tekanan penyeliaan di Eropah dan Amerika Syarikat.

Kesimpulan

Memandangkan pasaran kewangan yang dinamik pada masa ini, interaksi yang lebih berkesan antara penggubal dasar dengan industri, baik di dalam mahupun merentas sempadan menjadi amat penting agar dapat memberikan kesedaran yang lebih meluas terhadap isu-isu utama kestabilan kewangan. Ini sekali gus dapat mempertajam penilaian penyeliaan dan pertimbangan pengurusan serta menggalakkan kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang. Prospek yang lebih baik bagi kestabilan kewangan global yang lebih meluas bergantung pada komitmen berterusan terhadap bidang-bidang keutamaan ini. Akhir sekali, matlamatnya adalah untuk mengukuhkan kemampuan kita secara kolektif bagi menjangka dan bertindak balas secara berkesan terhadap perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan, tidak hanya dalam suasana yang mencabar ketika ini, tetapi juga kemungkinan tempoh pelarasan global yang berpanjangan pada masa hadapan.

Pelancaran Platform Kewangan Islam Bloomberg yang telah Dipertingkatkan
Kuala Lumpur, 21 Februari 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berasa sukacita kerana dapat menyertai anda pada pagi ini pada Pelancaran Platform Kewangan Islam Bloomberg yang telah dipertingkatkan. Perkembangan ini tepat pada masanya kerana kewangan Islam dijangka terus mencapai kejayaan besar pada dekad yang baharu ini. Platform maklumat ini merupakan elemen penting untuk memastikan pasaran kewangan Islam berfungsi dengan lebih cekap dalam sistem kewangan antarabangsa. Dalam sepuluh tahun terakhir ini kita telah melihat perkembangan yang ketara dalam kewangan Islam, baik dalam sistem kewangan dalam negeri ini mahupun antarabangsa. Dalam persekitaran yang lebih mencabar dan tidak menentu ini, kewangan Islam telah menunjukkan daya tahan dan daya maju serta telah mengekalkan momentum pertumbuhannya.

Hari ini, dengan meningkatnya pengantarabangsaan kewangan Islam, pertumbuhan dan pengembangannya yang berterusan sangat bergantung pada maklumat yang luas yang boleh diakses dengan cekap. Selama dua dekad Bloomberg telah memberikan perkhidmatan kepada komuniti kewangan Islam dalam menyediakan akses kepada penyampaian berita dan data serta maklumat yang tepat pada masanya. Oleh itu, inisiatifnya pada hari ini untuk meningkatkan platform kewangan Islamnya merupakan satu perkembangan yang amat dialu-alukan. Aliran maklumat tanpa sekatan dalam pasaran kewangan Islam penting untuk mempermudah proses penentuan harga dan mengekalkan keteguhan industri kewangan Islam. Data dan berita yang menjangkau sempadan secara masa sebenar penting bukan sahaja kepada pelabur dan institusi kewangan tetapi juga kepada para penyelidik dan ilmuwan kewangan Islam. Ia akan menyumbang kepada peningkatan daya saing, inovasi produk dan mempererat kesalinghubungan kewangan antarabangsa.

Ketika kita memasuki dekad baharu ini, cabaran pada dunia ialah untuk mengekalkan pemulihan ekonomi. Sementara masih terdapat banyak masalah yang perlu ditangani di negara maju, sebahagian besar ekonomi sedang pesat membangun terus menunjukkan prestasi yang baik. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh 7.2% pada tahun 2010 didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan hubungan ekonomi dan kewangan yang lebih erat dengan negara membangun lain. Satu bahagian penting pemulihan ini ialah pemulihan yang kukuh dalam pelaburan swasta berikutan peningkatan penggunaan keupayaan dan ciri-ciri dinamik ekonomi yang telah menyediakan peluang pelaburan baharu dalam bidang pertumbuhan baharu.

Tahun 2011 akan menjadi tahun yang menarik bagi industri kewangan Islam. Terbitan sukuk global pada tahun 2010 telah mengatasi tahun sebelumnya lebih daripada 20 peratus. Pertumbuhan positif ini jelas membuktikan bahawa pelabur dan penerbit telah kembali yakin. Pada tahun 2011, terbitan sukuk diunjurkan melebihi paras yang dicatat pada tahun 2007 ketika ia mencapai paras terbitan tertinggi. Tahun 2010 juga menyaksikan evolusi Malaysia sebagai platform originasi sukuk pelbagai mata wang dengan empat terbitan sukuk dalam mata wang asing yang berjumlah kira-kira USD3 bilion. Trend ini akan memperoleh manfaat daripada Indeks Syariah Berdaulat Bursa Malaysia AIBIM Bloomberg (Bloomberg AIBIM Bursa Malaysia Sovereign Syariah Index, BMSSI) yang dibangunkan oleh Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking Institutions Malaysia, AIBIM), Bursa Malaysia dan Bloomberg yang juga dilancarkan pada hari ini sebagai sebahagian daripada peningkatan platform kewangan Islam.

Pelancaran indeks sukuk ringgit ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam persekitaran kewangan Islam Malaysia kerana ia menjadi pengukur prestasi sekuriti kerajaan berlandaskan Syariah dengan denominasi ringgit selain untuk tujuan penandaarasan. Perkembangan ini merupakan sebahagian daripada sokongan berterusan AIBIM dan Bursa Malaysia untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran sukuk di dunia. Kerjasama antara AIBIM, Bursa Malaysia dan Bloomberg juga dijangka dapat membangunkan indeks sukuk korporat ringgit tidak lama lagi. Melangkah ke hadapan, usaha-usaha sedang dilaksanakan antara Bank Negara Malaysia dengan Bloomberg untuk memperluas inisiatif ini bagi membangunkan indeks sukuk mata wang asing. Liberalisasi pasaran kewangan dijangka dapat menarik lebih banyak terbitan sukuk mata wang asing seperti ini oleh entiti berdaulat, institusi pelbagai hala dan syarikat multinasional.

Bagi mengukuhkan lagi infrastruktur pasaran sukuk, Malaysian Electronic Clearing Corporation atau MyClear, sebuah syarikat subsidiari milik penuh Bank Negara Malaysia yang mengendalikan sistem penyelesaian kasar masa sebenar dan sistem depositori sekuriti, juga telah melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan urus niaga kewangan rentas sempadan yang cekap, teguh dan selamat. Inisiatif ini mencerminkan komitmen kami terhadap integrasi kewangan di rantau ASEAN dan sistem kewangan global melalui hubungan yang lebih erat dengan pusat-pusat depositori sekuriti lain, iaitu Euroclear dan Central Moneymarkets Unit (CMU) dari Hong Kong Monetary Authority. Dijangkakan bahawa institusi depositori sekuriti pusat lain akan menyertai inisiatif ini bagi mengeratkan lagi hubungan rentas sempadan ini. Oleh itu, MyClear akan menjadi salah satu platform penting bagi penyelesaian pelbagai hala yang memudahkan urus niaga perdagangan sukuk. Pelaksanaan inisiatif ini yang dijadualkan selesai pada separuh kedua tahun 2011 menawarkan akses berkesan kos bagi pelabur asing melabur dalam sekuriti Malaysia yang didepositkan dengan MyClear. Pada masa yang sama, ia membolehkan pelabur Malaysia melabur dalam sekuriti asing yang didepositkan dengan institusi depositori sekuriti pusat antarabangsa dan serantau. Melangkah ke hadapan, MyClear akan terus memperluas jangkauannya ke rantau lain di seluruh dunia.

Satu lagi pembangunan infrastruktur yang sedang dilaksanakan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa ialah penubuhan Perbadanan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM). Dilancarkan pada bulan Oktober 2010, IILM telah memulakan operasinya di Kuala Lumpur pada 1 Februari. Peranan utamanya ialah untuk melaksanakan terbitan instrumen mudah tunai pelbagai mata wang jangka pendek bagi memudahkan pengurusan mudah tunai rentas sempadan antara pusat-pusat kewangan dan pada masa yang sama meningkatkan kesalinghubungan kewangan. IILM dijadualkan melaksanakan terbitan instrumen mudah tunai pada akhir tahun ini. Ini akan membolehkan pengurusan aliran kewangan rentas sempadan yang lebih mantap dan seterusnya menyumbang kepada pengantarabangsaan kewangan Islam yang lebih cekap.

Sehubungan dengan peningkatan komuniti kewangan Islam yang ketara, adalah wajar platform kewangan Islam yang dilancarkan pada hari ini telah memperluas jangkauannya kepada pelanggan global dan daripada penyumbang data serta maklumat daripada institusi di seluruh dunia. Bagi menyokong platform kewangan Islam yang telah dipertingkatkan dan yang baharu ini, Bank Negara Malaysia dan anggota komuniti lain di bawah inisiatif MIFC berbesar hati untuk menjadi salah satu penyumbang. Laman MIFC dalam platform yang dipertingkatkan ini menyediakan pandangan Syariah, peluang perniagaan dan perkembangan penting dalam MIFC. Ia juga menjadi hos kepada rangkaian komuniti kewangan Islam yang luas di Malaysia.

Dengan yang demikian, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bloomberg, AIBIM, Bursa Malaysia serta rakan-rakan lain yang mengusahakan inisiatif ini untuk memberikan khidmat kepada industri kewangan Islam.

Memperkasa Kepimpinan Wanita dalam Kehidupan Masyarakat "Perkongsian Kuasa dalam Sektor Awam" di Forum Wanita dalam Kepimpinan Kuala Lumpur, 22 Februari 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Pendahuluan

Dalam abad kedua puluh satu ini, prestasi dan kemajuan tidak lagi ditentukan oleh aset fizikal tetapi sebaliknya oleh modal insan. Kaum wanita merupakan separuh daripada penduduk dunia lantaran merangkumi setengah daripada sumber berpotensi yang mampu memacu prestasi. Hal ini diperkuat lagi oleh trend kebelakangan ini yang menyaksikan kaum wanita mencakupi sebahagian besar daripada golongan yang berpendidikan tinggi. Oleh itu, kaum wanita merupakan sumber berpotensi yang semakin penting yang mampu memikul amanah sebagai pemimpin. Dalam ekonomi sedang pesat membangun yang menghadapi kekurangan tenaga mahir berkelayakan tinggi, soal gender tidak menjadi suatu isu. Malah wanita berjaya memegang jawatan-jawatan kepimpinan berdasarkan merit dan keupayaan mereka.

Penyertaan wanita dalam semua segmen ekonomi di Malaysia sememangnya telah mencapai kemajuan yang besar lantas membuktikan mereka mampu untuk memimpin dan berjaya dalam sektor awam dan juga swasta. Saya amat berbesar hati kerana diberi penghormatan untuk berucap di Forum Wanita dalam Kepimpinan ini dengan topik "Memperkasa Kepimpinan Wanita dalam Kehidupan Masyarakat: Perkongsian Kuasa dalam Sektor Awam". Di Asia khususnya, kaum wanita kini berjaya memegang jawatan penting dan diberi peluang menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara. Dalam era yang semakin menuntut prestasi cemerlang serta bercirikan persekitaran pengawasan dan ketelusan yang semakin tinggi, pelantikan untuk memegang jawatan kepimpinan tidak lagi berdasarkan gender tetapi lebih mengutamakan kebolehan sebagai pentadbir, penggubal dasar dan pemimpin yang berinovasi (thought leadership). Dengan itu, perkongsian kuasa membawa maksud kuasa saling dikongsi demi mencapai kemajuan negara dan bukannya penggunaan mutlak kuasa itu sendiri. Ucapan saya hari ini akan dimulai dengan menyentuh peranan sektor awam dan kebertanggungjawabannya, sebelum saya membincangkan tentang wanita dan kepimpinan dalam sektor awam, cabaran yang dihadapi serta beberapa strategi kejayaan.

Kebertanggungjawaban Sektor Awam

Peranan dan kebertanggungjawaban sektor awam jauh berbeza daripada sektor swasta. Tidak seperti sektor swasta, penunjuk prestasi sesebuah agensi dalam sektor awam pada amnya tidak diukur dari segi kewangan semata-mata. Selain itu, tindakan yang diambil oleh sektor awam mempunyai kesan yang lebih meluas terhadap kemakmuran ekonomi seluruh rakyat secara amnya dan juga semua spektrum perniagaan. Tindakan sektor awam juga mempunyai implikasi pada peringkat global berikutan kesalinghubungan antarabangsa yang lebih erat yang terjalin dalam persekitaran semasa. Oleh itu, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban yang didukung oleh sektor awam sesungguhnya amat besar. Sejarah mengajar kita bahawa kesan daripada salah pengurusan amat memudaratkan negara dan mengakibatkan rakyat terpaksa menanggung beban kos yang tinggi. Sebaliknya, negara yang diuruskan dengan baik pasti memberikan kemakmuran yang besar kepada seluruh rakyatnya.

Sektor awam mendukung tanggungjawab untuk menjana hasil dan memberi manfaat kepada rakyat. Manfaat tersebut termasuk kemudahan tempat tinggal, pendidikan, kesihatan dan pengangkutan yang lebih baik selain usaha

untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan kadar jenayah dan memastikan alam sekitar terus terpelihara. Dalam persekitaran semasa yang lebih telus dan kewujudan saluran komunikasi yang lebih canggih, kesedaran tentang keadaan semasa semakin mendalam. Ini seterusnya mendorong harapan dan jangkaan yang lebih tinggi terhadap sektor awam. Rakyat jelas tidak lagi boleh bertolak ansur dengan ketidakcekapan, prestasi yang lemah, amalan yang tidak konsisten dan kegagalan mencapai hasil yang dikehendaki. Sebaliknya, mereka mengharapkan sektor awam memberikan perkhidmatan terbaik untuk negara selain menjana hasil seperti diharapkan melalui cara yang paling cekap dan berkesan.

Sektor awam, sebagaimana sektor swasta, turut menerima kesan daripada persekitaran dinamik yang pantas berubah. Pendekatan yang sebelum ini membuahkan kejayaan kini mungkin tidak lagi relevan. Malah kemahiran dan keupayaan yang dahulunya mencukupi kini tidak lagi memadai. Tambahan pula, usaha kumulatif juga diperlukan daripada semua bahagian sektor awam untuk mendapatkan hasil yang dikehendaki. Pergantungan kini bukan hanya kepada bahagian-bahagian tertentu sistem tetapi melibatkan lebih banyak bahagian dalam sistem awam. Pengaturan lama juga tidak lagi berkesan. Cabaran baharu yang semakin rumit perlu dihadapi dengan kaedah dan sistem baharu. Dengan itu, organisasi perlu melalui proses transformasi agar ia dapat melangkah seiring dengan tuntutan persekitaran baharu yang pantas berubah.

Dalam usaha untuk mendorong kemajuan dan pembangunan negara, keupayaan untuk menguruskan cabaran yang mendatang sudah menjadi suatu kemestian. Susulan itu, peranan kepimpinan dalam sektor awam telah banyak berubah. Negara yang berjaya ialah negara yang memberi keutamaan kepada modal insan serta mengambil langkah mengkaji semula dan melaksanakan transformasi organisasi. Memandangkan modal insan yang berkeupayaan tinggi masih lagi kurang, peluang terbuka luas kepada kaum wanita yang berkebolehan untuk memikul tanggungjawab kepimpinan dalam sektor awam dan seterusnya mencapai matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan seluruh rakyat.

Memperkasa Kepimpinan Wanita dalam Sektor Awam

Wanita merupakan komponen penting dalam sumber modal insan dan kini semakin giat memperkukuh kedudukan mereka dalam kumpulan tenaga mahir. Untuk menjadi pemimpin, pelaburan dalam pembangunan kemahiran kepimpinan adalah amat perlu. Meskipun kepimpinan dalam sektor swasta dan awam mempunyai unsur-unsur yang sama, terdapat beberapa ciri kepimpinan tertentu yang penting dan khusus buat sektor awam.

Pertama, perlu ada wawasan yang jelas – iaitu matlamat dan hasil yang perlu dicapai oleh organisasi. Berbeza dengan sektor swasta, kejayaan dalam sektor awam tidak diukur melalui hasil kewangan yang dicapai. Sering kali juga pengukuran dari segi kuantitatif sukar dibuat. Namun begitu, pengukuran sedemikian amat penting agar sumber dan daya usaha organisasi dapat disejajarkan bagi mencapai hasil yang dikehendaki. Sama pentingnya juga ialah langkah ini membolehkan organisasi terus fokus dan meneruskan hala tuju yang ditetapkan apabila berdepan tekanan daripada pelbagai pihak berkepentingan yang mempunyai persepsi dan jangkaan berbeza terhadap organisasi.

Kedua, berkeupayaan untuk menerangkan wawasan ini kepada pihak lain dalam organisasi dan juga kepada mereka yang akan menerima kesan daripada tindakan yang diambil oleh organisasi. Dengan cara ini, daya usaha pekerja dapat diselaraskan untuk mencapai hasil strategik yang dikehendaki. Acap kali, wawasan yang dikongsi bersama dengan mereka yang akan menerima kesan daripada tindakan organisasi juga membolehkan usaha-usaha bersama saling mengukuh.

Aspek ketiga yang penting ialah pengetahuan dan pemahaman tentang urusan dan unsur-unsur utama yang memacu organisasi. Cara sistem dikendalikan dan cara matlamat direalisasikan juga harus dihayati. Oleh itu,

perlu ada pengetahuan, kemahiran, maklumat, metodologi dan struktur organisasi yang menyokong untuk mencapai hasil yang disasarkan. Ini penting agar wawasan dapat direalisasikan.

Keempat, berikutan ciri urusan sektor awam dan kepelbagaian pihak berkepentingan yang terlibat, kepimpinan dalam sektor ini menuntut kemahiran penyelarasan dan integrasi yang mampu menyatukan cara pemikiran dan pemahaman yang berbeza, serta keupayaan untuk menyatukan perspektif yang berlainan agar menjadi suatu bentuk penyelesaian yang menghasilkan keputusan yang dikehendaki. Langkah ini turut melibatkan kemahiran penyelarasan yang dapat menyatukan bukan sahaja pelbagai bahagian organisasi bahkan organisasi lain dalam sektor awam yang boleh menyumbang ke arah pencapaian hasil yang dikehendaki.

Kelima, kepentingan pelbagai pihak yang perlu diseimbangkan. Sering kali, tindakan yang perlu diambil menyebabkan implikasi yang berbeza kepada kumpulan sasaran yang berlainan, dan mungkin menyentuh kepentingan yang bercanggah. Oleh itu, kepentingan yang berlainan bagi segmen masyarakat yang berbeza perlu diseimbangkan dan risikonya diuruskan dengan sewajarnya.

Keenam, kemahiran untuk menguruskan krisis perlu dipupuk lantaran peranannya yang semakin penting dalam persekitaran semasa. Berbanding dengan dekad-dekad sebelum ini yang secara relatif stabil, persekitaran semasa kini sering dilanda krisis. Dalam tempoh ketidaktentuan dan ketidakstabilan, sektor awam berada di barisan hadapan untuk bertindak dan menyediakan penyelesaian terhadap krisis. Apabila membuat keputusan dalam keadaan sedemikian, sebarang kelewatan, kealpaan atau dasar yang salah boleh membawa kemudaratan yang besar kepada negara.

Ketujuh, keupayaan untuk mengurus dengan berkesan meskipun berdepan dengan tekanan yang hebat. Tekanan sedemikian mungkin berpunca daripada tuntutan tinggi pihak berkepentingan yang berbeza, keadaan krisis atau kegagalan bahagian-bahagian lain sektor awam yang memberi kesan kepada prestasi anda. Namun, keupayaan untuk terus memberi tumpuan strategik selain kemampuan untuk melaksanakan tindakan seperti yang dirancang dapat membantu menangani tekanan sedemikian.

Kelapan, keberanian dan tekad untuk melaksanakan tanggungjawab. Kecekalan dan ketabahan hati amat penting bagi membolehkan keputusan dibuat semasa berhadapan tekanan tinggi di samping memastikan organisasi dapat terus beroperasi dan kekal bersatu dalam tempoh sukar tersebut.

Kesembilan, keazaman dan ketekunan yang tinggi dalam usaha merealisasikan wawasan. Agenda sektor awam yang secara mutlaknya adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat merupakan usaha yang berpanjangan dan memerlukan ketabahan. Pelbagai prasyarat tertentu harus dipenuhi selain memastikan persekitaran yang menyokong diwujudkan dan bahagian-bahagian berlainan sektor awam bergerak seiringan untuk mencapai matlamat bersama. Sering kali, faktor-faktor ini tidak dapat diselaraskan dengan wajar. Keyakinan yang kuat terhadap matlamat, ditambah dengan keupayaan dan ketabahan yang kukuh akan meningkatkan potensi untuk menjana hasil yang berkesan.

Faktor akhir dan juga paling penting ialah kemampuan untuk terus membuat penciptaan semula. Globalisasi membawa bersama-samanya perubahan persekitaran, saingan yang lebih sengit, kekaburan dan ketidakpastian, kelebihan dan kecanggihan teknologi, keadaan yang lebih mudah dilanda krisis dan keperluan pengawasan dan ketelusan yang lebih tinggi. Persekitaran operasi yang lebih rumit ini memerlukan kemahiran dan kebolehan serba baharu untuk menguruskan cabaran-cabaran baharu. Kini, peranan kepimpinan adalah dinamik dan telah banyak berubah. Penciptaan semula yang dibuat adalah untuk menyokong keupayaan untuk memberi tindak balas yang bersesuaian dengan perubahan.

Membina Organisasi yang Cekap

Organisasi yang cekap perlu dibina dan diperlengkap dengan keupayaan untuk menjana hasil yang dikehendaki untuk memperkukuh keupayaan kita dalam mengurus cabaran baharu yang berbangkit daripada persekitaran yang berubah-ubah. Oleh itu, organisasi harus dikaji semula dan sentiasa dimodenkan agar dapat terus berkhidmat demi kepentingan negara. Usaha ini memerlukan penelitian persekitaran dan penetapan matlamat secara berkala untuk memastikan teras strategik organisasi terus utuh. Usaha pemodenan seterusnya perlu disokong oleh rangka tindakan yang menggariskan langkah dan inisiatif strategik yang perlu diambil. Wanita yang berkelayakan perlu diberi peluang menerajui pucuk pimpinan agar dapat turut serta dalam proses ini. Bagi meningkatkan peluang buat kaum wanita, ruang dan peluang untuk mereka mendapat pendidikan dan pengalaman serta pendedahan haruslah diberi. Selepas melalui fasa pendidikan formal, pengalaman dan kepakaran yang diperoleh daripada bimbingan dan program mentor akan meningkatkan lagi sumbangan setiap individu terhadap keberkesanan organisasi.

Dalam organisasi yang serba moden, proses pengurusan prestasi memerlukan tahap kecemerlangan tertinggi dan keupayaan untuk menjana hasil yang dikehendaki dalam tempoh masa yang ditetapkan. Organisasi yang telah melalui proses transformasi akan beralih daripada aktiviti berasaskan tugas kepada organisasi yang lebih berorientasikan hasil dengan tumpuan yang jelas terhadap mandat dan penunjuk prestasi utama. Bagi menggalakkan organisasi berorientasikan prestasi, pengiktirafan prestasi dan sistem ganjaran yang diwujudkan perlu dibezakan dengan jelas. Masih banyak negara yang belum melaksanakan langkah ini.

Transformasi organisasi juga perlu menitikberatkan pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan pengetahuan dan penyediaan peluang untuk mengimbangi pekerjaan dengan kehidupan. Peluang pembelajaran amat kritikal untuk meningkatkan keupayaan. Akhirnya, struktur tadbir urus baharu merupakan kunci untuk memastikan keputusan dibuat dengan teliti dalam organisasi dan wujud elemen sekatan dan imbangan (check and balance) yang mencukupi agar keputusan terbaik dapat dibuat dan tahap kredibiliti dan integriti tertinggi dicapai.

Cabaran

Walaupun peluang terbuka luas untuk kaum wanita dalam sektor awam, namun sehingga kini tidak ramai daripada mereka yang berjaya mengisi jawatan kepimpinan. Meskipun masih terdapat halangan atau glass ceiling, dalam kita melangkah ke hadapan, asas kukuh yang membolehkan wanita mengisi jawatan kepimpinan sudah pun terbina. Cabaran yang wujud kini adalah untuk memberi keutamaan kepada penciptaan semula yang diperlukan secara berterusan, iaitu dengan menimba ilmu pengetahuan baharu serta kemahiran dan pengalaman baharu agar dapat meningkatkan kebolehan baharu dan seterusnya mampu menangani cabaran baharu.

Bagi wanita yang juga merupakan seorang ibu, isteri dan anak, pengorbanan yang dituntut adalah besar. Cabaran yang dihadapi adalah untuk mencapai keseimbangan agar prestasi kerja tidak menjejaskan mana-mana peranan tersebut. Sistem sokongan di tempat kerja dan di rumah adalah amat penting. Sama pentingnya ialah pengurusan masa, pengurusan tekanan dan pengurusan insan. Akhirnya, dan lebih-lebih lagi di sektor awam – memandangkan tekanan yang dihadapi oleh sektor itu adalah dari pelbagai penjuru ekoran implikasi meluas daripada tindakan yang diambil - jawatan kepimpinan memerlukan keberanian dan keazaman yang jitu. Tumpuan dan daya usaha strategik untuk mencapai hasil yang dikehendaki memperteguh keupayaan untuk menguruskan keadaan apabila berdepan tekanan sedemikian.

Kesimpulan

Akhir kata, jawatan kepimpinan dalam sektor awam menuntut usaha dan azam yang amat tinggi. Kepimpinan sebegini memerlukan keupayaan untuk menyampaikan hasil dan membuat perubahan kepada kehidupan orang lain. Bagi mencapai matlamat ini, kita perlu berubah secara berterusan agar mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada negara. Penciptaan semula ini melibatkan keupayaan kepimpinan, keinstitusian dan kebolehan organisasi untuk bertindak balas kepada perubahan sekeliling yang berlaku.

Dengan berbekalkan transformasi inilah baru kita mampu memimpin dengan jayanya.

Meskipun bilangan kaum wanita dalam kumpulan tenaga mahir semakin bertambah, kuasa sebenar adalah kuasa yang dikongsi. Kaum wanita dan kaum lelaki yang saling berganding bahu dan memanfaatkan kelebihan, pengalaman dan pengetahuan masing-masing, yang akan bersama-sama mencorakkan perubahan yang paling sesuai dengan keadaan dan persekitaran kita demi menaikkan tahap prestasi dan kemajuan ke tahap yang paling cemerlang.